



Semua Ketua Jabatan Negeri,  
**PULAU PINANG.**

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
BIL. 3 TAHUN 2007**

***PERUBAHAN NILAI KAD ELEKTRONIK  
BAGI PEMBAYARAN TOL UNTUK KENDERAAN JABATAN***

**Tujuan**

1. Surat pekeliling ini bertujuan untuk meminda kadar nilai kad elektronik (kad Touch & Go) bagi pembayaran tol untuk kenderaan jabatan seperti mana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2000.

**Kadar Baru Nilai Kad *Touch & Go***

2. Kadar baru nilai kad *Touch & Go* jabatan adalah dipinda seperti berikut:
  - (i) Nilai kad yang pada asalnya tidak melebihi RM200.00 dinaikkan kepada tidak melebihi RM500.00 satu kad.

Dengan itu kadar nilai kad *Touch & Go* yang terdapat di perenggan 3.1 (iii) Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2000 adalah dipinda sewajarnya.

### **Implikasi Kewangan**

3. Kadar nilai baru untuk kad *Touch & Go* merupakan satu kadar maksimum. Tertakluk kepada kadar maksimum tersebut, Ketua-ketua Jabatan diminta menggunakan budi bicara untuk menentukan kadar nilai yang bersesuaian bagi kad *Touch & Go* jabatan dengan mengambil kira kekerapan dan destinasi perjalanan. Sayugia dimaklumkan bahawa perubahan kadar nilai baru untuk kad *Touch & Go* jabatan tidak akan melibatkan peruntukan tambahan.

### **Tarikh Kuatkuasa**

4. Kadar nilai baru untuk kad *Touch & Go* tersebut berkuatkuasa mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

*t.t.*  
**( DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF )**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Pulau Pinang.

Tarikh : 22 Februari 2007